

ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

Al-Sayyid Muḥammad Murtaḍā al-Zabīdiyy

Penyusun kitab kamus Arab “*Tāj al-‘Arūs*” yang terkenal, setelah sepuluh jilid besar, dengan mengambil masa empat belas tahun, selain daripada 100 buah kitab – kitab karangannya dalam berbagai-bagai ilmu pengetahuan, termasuk sebuah karangannya yang menghuraikan kandungan kitab “*Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*” buah kalam *Hujjah al-Islām* al-Imām al-Ghazāliyy

Hidup sepanjang usia enam puluh tahun:

22 tahun dihabiskannya di tanah airnya India dan negeri-negeri Islam dan 38 tahun dihabiskannya di bandar Kaherah.

Itulah dia al-Sayyid Muḥammad Murtaḍā al-Zabīdiyy, pengarang kitab *Tāj al-‘Arūs Sharḥ al-Qāmūs* sebuah kitab kamus bahasa Arab setebal sepuluh jilid).

Berasal dari keturunan Sayyid, peranakan Bilgram (India). Zahir di India pada tahun 1145 Hijriyyah dan berpindah ke Mesir pada tahun 1167 Hijriyyah setelah tinggal di Makkah beberapa lama, dan meninggal di bandar Kaherah pada tahun 1205 Hijriyyah. Ia telah dikebumikan di sisi kubur isterinya Zubaydah berhampiran dengan Masjid “Ruqyah Bisjkar” di Kaherah.

Pada mulanya, al-Sayyid Muḥammad Murtaḍā al-Zabīdiyy, menuntut ilmu di tanah airnya - India. Di antara guru-gurunya ialah al-Ustadh al-Muḥaqqiq al-Shaykh Ahmad al-Dahlawiy pengarang kitab “*Hijjat Allāh al-Bālighah*” yang terkenal. Dengan tujuan hendak melanjutkan pelajarannya ia pun mengembara di negeri-negeri

Islam, lalu pergi ke negeri Yaman dan tinggal lama

di daerah “Zabid” dan kerana itulah ia telah terkenal dengan gelaran “al-Zabīdiyy”.

Menawan di Makkah al-Mukarramah

Setelah meninggalkan negeri Yaman ia pun belayar ke Makkah lalu belajar kepada alim ulamanya yang terkenal. Di antara guru-gurunya di Makkah ialah al-Sayyid ‘Abd al-Raḥman al-‘Idrūsiyy, dan setelah mendapat ijazah ia pun belayar ke Mesir.

Di Mesir, ia berguru kepada alim ulamanya yang kebilangannya, di antaranya al-Sayyid ‘Alī al-Maqdisiyy al-Ḥanafiyy, al-Shaykh al-Jawhariyy, dan juga kepada guru-guru yang lain, seperti al-Malawiyy, al-Ḥafaniyy, al-Balīdiyy, al-Ṣa‘īdiyy dan al-Mudābaghiyy. Ia telah berjaya mendapat ijazah-ijazah dari alim ulama empat mazhab, dan mereka telah mengakui akan ilmunya, kelebihannya dan kuat hafaznya. Ijazah pada zaman itu samalah nilainya dengan ijazah pada zaman kita ini.

Ia tinggal selama 38 tahun di Mesir mengajar dan mengarang kitab-kitab yang berharga. Kerana ilmunya ia telah

mendapat kehormatan dan kedudukan yang tinggi dari pihak pemerintah Mesir dan orang besarnya. Rumahnya sentiasa menjadi tumpuan ramai.

Kitab Kamus *Tāj al-‘Arūs*

Dalam masa ia tinggal di Mesir inilah, al-Sayyid Muḥammad Murtaḍā al-Zabīdiyy telah menyusun kitab kamusnya yang masyhur “*Tāj al-‘Arūs Sharḥ al-Qāmūs*” dengan mengambil masa empat belas tahun dua bulan, sehingga disempurnakannya dalam sepuluh jilid tebal – potongan besar.

Setelah ia berjaya menyusun kitab kamusnya yang berharga itu, ia pun mengadakan majlis jamuan lalu dijemputnya alim ulama dan pencinta-pencinta bahasa lalu dibentangkannya hasil usahanya (kamusnya) itu kepada mereka. Kerana usahanya yang cemerlang ia telah diakui sebagai seorang yang luas pengetahuannya dalam bahasa

Arab. Ia juga mahir dalam dua bahasa lagi iaitu bahasa Turki dan bahasa Parsi.

Menurut al-Jabratiyy, ahli sejarah yang terkenal, bahawa kitab kamus *Tāj al-‘Arūs* ini telah disambut dan

diberi nilai yang tinggi oleh alim ulama zaman itu. Manakala Muḥammad Abu al-Dahb, seorang hartawan Mesir, mendirikan masjidnya – yang terkenal dengan namanya – berhampiran dengan al-Azhar dan mendirikan sebuah kutubkhanah di situ, maka ia pun membeli naskhah kamus *Tāj al-‘Arūs* yang sepuluh jilid itu dengan harga 100,000 (seratus ribu) dirham. Beberapa orang raja-raja Islam telah juga membeli naskhah salinan kamus yang berharga itu.

Kalau al-Fayrūz Abādiyy, penyusun matan kamus ini, yang terkenal dengan nama “*al-Qāmūs al-Muḥīṭ*” disusun

Berjihad Pada Jalan Allah

oleh: al-‘Allāmah Abū al-A‘lā al-Mawḍūdiyy

Al-Qur‘ān al-Karīm dengan jelas menerangkan, bahawa orang yang tidak menyahut seruan jihad dan tidak berjihad dengan harta dan jiwanya kerana meninggikan agama Allah..... maka orang itu termasuk dalam golongan orang-orang yang tidak percayakan Allah dan Hari Akhirat ...

Inilah dia ukuran yang dengannya dapat diukur kebenaran seseorang dan keikhalasannya tentang imannya – kata al-‘Allāmah al-Mawḍūdiyy dalam bukunya yang berharga ini.

Diterjemahkan oleh Abdullah Basmeh dan Jaafar Albar. Harganya 70 sen sahaja dan belanja mengirimnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya: **QALAM, Singapura.**



dengan ringkas, maka al-Zabīdiyy, pensyarahnya, dengan kitabnya kamus *Tāj al-‘Arūs* telah menghuraikan tiap-tiap kalimah dengan lanjut dan diberinya contoh dengan ayat-ayat atau syair-syair yang dijadikan alasan. Dan diberinya tambahan sebanyak dua puluh ribu perkataan, selain daripada matan atau asalnya yang berjumlah enam puluh ribu perkataan, sehingga kitab kamus *Tāj al-‘Arūs* itu menjadi lebih luas lagi daripada kitab-kitab kamus Arab yang besar dan luas seperti: “*Lisān al-‘Arab*”, “*al-Muḥkam*”

“*al-Mukhaṣṣ*”, “*al-Tahdhīb*”, “*al-‘Ibāb*” dan lain-lainnya.

Bahasa-bahasa Dunia

Patut juga disebut, setengah ahli-ahli bahasa telah menyelidik dan menghitung jumlah perkataan dalam sesuatu bahasa seperti berikut:

Bahasa Inggeris pada zaman ini tidak kurang daripada 250,00 perkataan, bahasa Jerman 80,000 perkataan, bahasa Itali 45,000 perkataan, bahasa Perancis 30,000 perkataan, dan bahasa Sepanyol 20,000 perkataan.

Bahasa-bahasa Timur pula, yang luas sekali ialah bahasa Arab: Sebanyak 80,000 perkataan, bahasa Cina menggunakan sepuluh ribu tanda alamat berjumlah 49,000 perkataan yang bersusun, bahasa Turki 23,000 perkataan (bahasa Melayu dan bahasa-bahasa yang tidak disebutkan itu, masih belum diketahui jumlah perkataannya – P.).

Buah Tangannya Tersiar Luas

Kitab *Tāj al-‘Arūs* ini mula-mula dicetak dan diterbitkan oleh pertubuhan “Jam‘iyyah al-Ma‘ārif” di bandar Kaherah, tetapi Jam‘iyyah itu hanya dapat menerbitkan lima jilid sahaja. Setelah itu telah dicetak semula sebanyak sepuluh jilid lengkap dengan perbelanjaan al-Ghāziyy Aḥmad Mukhtār Bāshā (seorang pegawai tinggi Turki di Mesir), pada tahun 1307 Hijriyyah.

Selain daripada itu banyak kitab-kitab karangannya menurut ahli sejarah yang menuliskan riwayat hidupnya, bahawa kitab-kitab yang telah dikarangnya berjumlah lebih daripada seratus buah, diantaranya ialah kitab yang menghuraikan dengan panjang lebar akan kandungan kitab “*Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*” karangan *Hujjat al-Islām* al-Imām al-Ghazālīyy.

Sudah terbit!	Bacalah.
Buku-buku Syuhada	
Edrus	
1. Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭalib	50 sen
2. Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam	50 “
3. Ikrimah ibn Abū Jahal	50 “
4. Sa‘ad ibn Rabi‘	50 “
5. Sa‘ad ibn Mu‘ādh	50 “
6. Nu‘man ibn Muqrin	50 “
7. Ja‘far ibn Abī Ṭalib	50 “
8. Anak ‘Abd Allāh ibn Ubay	50 “
9. Anak Angkat Rasulullah	50 “
10. Abū Khudhayfah ibn ‘Utbah	50 “
Lain-lain buku <i>tārīkh</i>	
Sejarah ringkas Muḥammad (S.A.W.) (oleh Edrus)	\$1.20
Bilāl – (oleh Abdullah Basmeh)	
Muḥammad (S.A.W.) (oleh Abdullah Basmeh) empat penggal	
	Sepenggal \$1.20
Pesanlah kepada penerbitnya:	